

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **RANCANGAN PENGURUSAN KAWASAN HUTAN YANG MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI - HIGH CONSERVATION VALUE FOREST (RPHCVF) NEGERI JOHOR**

Rancangan Pengurusan Kawasan Hutan Yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi - High Conservation Value Forest (RPHCVF) Negeri Johor ini disediakan dengan objektif utama untuk menyediakan satu dokumen rujukan yang berkualiti dan digunapakai bagi membantu Jabatan Perhutanan Negeri Johor dalam mengurus Kawasan Hutan Yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF). Rancangan pengurusan yang komprehensif dan menyeluruh ini diperlukan untuk memastikan Jabatan Perhutanan Negeri Johor dapat mengurus kawasan HCVF tersebut secara sistematik sejajar dengan keperluan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (Sustainable Forest Management- SFM). RPHCVF ini juga memberi garis panduan pengurusan dan pengawalan kawasan HCVF beserta dengan cadangan rancangan pengurusan untuk jangkamasa sepuluh tahun (2015-2024).

Dokumen RPHCVF ini mengandungi \_ lapan (8) bab yang bermula dengan Bab 1 - Pengenalan, Bab 2 - Maklumat Asas, Bab 3 - HCVF Flora , Bab 4 - HCVF Fauna, Bab 5 - Preskripsi Pengurusan, Bab 6 - Pemantauan, Penilaian dan Kawalan, Bab 7 - Ancaman dan Kekangan serta Bab 8 - Kesimpulan.

Pengurusan hutan di Negeri Johor dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip pengurusan hutan secara berkekalan. Kawasan Hutan Yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF) mula diperkenalkan oleh Forest Stewardship Council (FSC) dalam tahun 1999 bertujuan untuk menyediakan satu kerangka bagi mengenalpasti kawasan-kawasan hutan yang mempunyai ciri-ciri menarik dan unik serta bernilai tinggi bagi kepelbagaian biologi meliputi komposisi tumbuh-tumbuhan flora dan juga fauna.

Merujuk Akta Perhutanan Negara, 1984 (Pindaan 1993), Seksyen 10(1) terdapat 12 kelas dalam pengelasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) mengikut fungsi dan kegunaan yang dikenalpasti dan seterusnya diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Hutan Simpanan Kekal (HSK) dikelaskan untuk Hutan Pengeluaran Kayu Di Bawah Perolehan Berkekalan, Hutan Perlindungan Tanah, Hutan Tebus Guna Tanah, Hutan Kawalan Banjir, Hutan Tadahan Air, Hutan Perlindungan Hidupan Liar, Hutan Simpanan Hutan Dara, Hutan Lipur, Hutan Pelajaran, Hutan Penyelidikan , Hutan Untuk Maksud Persekutuan dan Hutan Taman Negeri. Secara khususnya, belum ada dasar atau rancangan pengurusan khas untuk mengurus HCVF yang berada di dalam HSK di Negeri Johor. Berpandukan kepada Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992), kawasan HCVF boleh dikategorikan sama ada di bawah kategori fungsi-fungsi hutan perlindungan, hutan lipur atau hutan penyelidikan dan hutan pelajaran. Namun begitu, semasa pelaksanaan program pensijilan pengurusan hutan di bawah kriteria dan petunjuk bagi pengurusan hutan secara berkekalan di Malaysia, terdapat keperluan bagi Jabatan Perhutanan Negeri Johor untuk melaporkan penubuhan kawasan-kawasan ini semasa pengauditan dilaksanakan.

Di Negeri Johor terdapat beberapa spesies flora yang endemik dan juga terancam seperti spesies Resak batu (*Cotylelobium melanoxy/on*), Damar hitam telepok (*Shorea peltata*), Kapur bukit (*Drybalanops beccan*) dan Keruing asam (*Dipterocarpus tempehes*). Sama

seperti flora, di Negeri Johor ini mempunyai beberapa spesies fauna yang menarik dan unik seperti Harimau belang (*Panthera tigris*), Tapir (*Tapirus indicus*), Lotong ceneka atau Seneka kekah (*Presbystis femoralis*) dan Sabi berjanggut atau Sabi bodoh (*Sus barbatus*). Spesies babi ini hanya diketahui dan direkodkan taburannya di Negeri Johor bagi Semenanjung Malaysia selain di Sarawak. Tambahan lagi, Endau-Rompin merupakan salah satu kawasan yang dulunya diketahui sebagai tempat yang paling banyak Sadak sumbu (*Dicerorhinus sumatranus*) direkodkan selain di Belum-Temenggor (Perak) pada tahun 1980an.

Keunikan ini mendorong Jabatan Perhutanan Negeri Johor untuk memilih dan menjadikan beberapa kawasan HSK sebagai kawasan HCVF. Kompartmen 6A dan 68 HS Panti dikenalpasti sebagai kawasan HCVF untuk spesies Kapur bukit (*Dryobates beccarii*), Kompartmen 14 HS Gunung Arong untuk spesies Resak batu (*Cotylelobium melanoxylon*), Kompartmen 135 dan 136 HS Tenggaroh untuk spesies Damar hitam telepok (*Shorea peltata*), Kompartmen 17, 20 dan 21 HS Labis untuk spesies Keruing asam (*Dipterocarpus tempehes*). Kompartmen 6A dan 68 HS Panti juga dikenalpasti sebagai kawasan HCVF untuk mamalia dan burung manakala Kompartmen 10, 11 dan 17 HS Lenggong pula sebagai kawasan HCVF untuk mamalia sahaja. Aktiviti berkaitan dengan penubuhan kawasan HCVF ini dinyatakan di dalam dokumen RPHCVF ini termasuklah keperluan pemetaan, penandaan sempadan, pengumpulan data, maklumat asas, pemantauan dan penyelenggaraan.

Negeri Johor amat bertuah kerana mempunyai kawasan hutan yang ditumbuhi pelbagai spesies flora dan didiami oleh pelbagai spesies fauna. Justeru itu Jabatan Perhutanan telah memainkan peranan yang utama di dalam memastikan spesies flora dan fauna tersebut terus dipelihara dengan sempurna demi untuk mengelakkan kepupusan di masa hadapan.

Sokongan pihak kerajaan negeri terutamanya dalam penyediaan dana melalui Jabatan Perhutanan untuk menjadikan kawasan di HS Gunung Arong, HS Tenggaroh, HS Panti, HS Labis dan HS Lenggong sebagai kawasan HCVF adalah sesuatu yang amat dialu-alukan dan sewajarnya mendapat sokongan dari semua pihak. Adalah penting bagi semua pihak yang berkepentingan sama ada dari agensi kerajaan, swasta, NGO, institusi penyelidikan dan pengajian tinggi serta masyarakat umum memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi untuk sama-sama memainkan peranan demi memastikan spesies flora dan fauna yang terancam ini terus dipelihara.